

POLISI DEPOSIT DAN PENGELUARAN

Global Market Index LLC



Global
Market
Index

Global Market Index LLC (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat" atau "GMI") didaftarkan di Euro House, Richmond Hill Road, Kingstown, St. Vincent dan Grenadines.

Pelanggan perlu membaca dengan teliti dan memahami syarat-syarat yang ditetapkan di sini sebelum meneruskan sebarang transaksi monetari.

PENGAKUAN

Pelanggan mengakui bahawa mereka membaca, memahami dan menerima Polisi Deposit dan Pengeluaran sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa, sebagai tambahan kepada sebarang maklumat dan/atau polisi dan/atau perjanjian lain yang tersedia di laman web Syarikat (www.gmimarkets.com).

DEPOSIT DAN PENGELUARAN

- Pelanggan mengakui bahawa GMI tidak akan menerima atau mengeluarkan dana Pelanggan dalam mata wang tunai atau kesetaraan tunai. Semua transaksi antara Pelanggan dan GMI akan dilakukan dengan kaedah yang disediakan oleh Syarikat. Syarikat tidak menerima dana dan/atau pembayaran untuk mana-mana akaun perdagangan melalui pihak ketiga dan Syarikat tidak akan meneruskan sebarang pembiayaan bagi akaun perdagangan melainkan nama pendeposit sepadan dengan nama pemegang akaun perdagangan tersebut.
- Syarikat secara aktifnya mematuhi semua undang-undang dan peraturan anti-pengubahan wang haram di bawah semua undang-undang domestik yang terpakai. Secara berterusan, Syarikat akan menyemak aktiviti akaun Pelanggan untuk bukti transaksi yang mencurigakan yang mungkin menunjukkan aktiviti pengubahan wang haram. Semakan ini mungkin termasuk pengawasan terhadap:
 - a) Pengaliran masuk dan keluar wang dari akaun.
 - b) Sumber dan destinasi pemindahan.
 - c) Aktiviti lain di luar urusan biasa perniagaan.

- Apabila Syarikat menerima arahan daripada Pelanggan untuk mengeluarkan dana daripada Akaun Pelanggan, Syarikat akan membayar jumlah tersebut dalam garis masa pemprosesannya, sebaik sahaja keperluan berikut dipenuhi:
 - a) Arahan pengeluaran merangkumi semua maklumat yang diperlukan;
 - b) Arahannya adalah untuk membuat pemindahan ke akaun Pelanggan; dan
 - c) Pada waktu pembayaran, margin percuma Pelanggan melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam arahan pengeluaran termasuklah semua caj pembayaran.
- Pengeluaran hanya akan terjejas kepada Pelanggan. Syarikat mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya untuk tidak menjelaskan pengeluaran kepada mana-mana pihak atau akaun ketiga yang lain. Syarikat tidak akan menjelaskan pengeluaran ke akaun tanpa nama.
- Pelanggan menerima bahawa jumlah penuh deposit pertama mereka akan dikembalikan oleh Syarikat kepada Pelanggan, atas permintaan pengeluaran, ke akaun bank dan/atau kad kredit dan/atau akaun dompet elektronik yang digunakan oleh Pelanggan untuk deposit pertama mereka.
- Pelanggan bersetuju bahawa apabila membuat deposit dalam jumlah tertentu melalui akaun bank dan/atau kad dan/atau dompet elektronik yang tertentu, Pelanggan akan diwajibkan untuk mengeluarkan jumlah penuh bagi deposit khusus tersebut daripada akaun bank dan/atau kad dan/atau dompet elektronik sebelum menggunakan kaedah pengeluaran lain.
- Syarikat berhak untuk menolak permintaan pengeluaran Pelanggan yang meminta kaedah pemindahan tertentu dan Syarikat mempunyai hak untuk mencadangkan suatu alternatif.
- Pelanggan menerima hakikat bahawa kelewatan mungkin berlaku bagi deposit dan permintaan pengeluaran untuk diproses jika Syarikat dan/atau mana-mana bank dan/atau pemproses kad dan/atau pembekal perkhidmatan dompet elektronik tidak dapat mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan.
- Pelanggan bersetuju dan peka bahawa untuk tujuan, mematuhi undang-undang antarabangsa, pihak berkuasa tempatan, pengawal selia dan untuk pemprosesan pembayaran yang lancar, Syarikat boleh berkongsi maklumat peribadi Pelanggan, termasuk ID Pelanggan, dengan pihak berkuasa tempatan, badan kawal selia dan

Pembekal Perkhidmatannya. (termasuk tetapi tidak terhad kepada, penyedia perkhidmatan pengesahan ID pematuhan, pihak berkuasa tempatan, bank, pemproses kad kredit atau penyedia perkhidmatan pembayaran lain).

- Pelanggan bersetuju bahawa Syarikat mempunyai hak untuk mengenakan sebarang yuran perkhidmatan kepada Pelanggan, termasuk yuran deposit dan pengeluaran, yang dikenakan caj oleh mana-mana bank dan/atau pemproses kad dan/atau pembekal perkhidmatan dompet elektronik, pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara mutlak Syarikat dan tanpa persetujuan Pelanggan.
- Jika Pelanggan mempunyai sebarang kewajipan untuk membayar sebarang jumlah kepada Syarikat yang melebihi Ekuiti dalam Akaun Pelanggan, Pelanggan hendaklah membayar jumlah lebihan tersebut dengan serta-merta sebaik sahaja kewajipan itu timbul.
- Jika pembayaran perlu dibayar kepada Syarikat oleh Pelanggan tetapi dana yang mencukupi masih belum dikreditkan ke Akaun Pelanggan, Syarikat berhak untuk menganggap bahawa Pelanggan sebagai gagal membuat pembayaran kepada Syarikat dan menutup Kedudukan Terbuka Pelanggan, melaksanakan remedi lalai lain terhadap Pelanggan dan melaksanakan haknya seperti yang termaktub di bawah Perjanjian.
- Pemegang akaun dikehendaki memantau akaun dengan kerap, dan memastikan bahawa margin yang tersedia wujud di dalam akaun sebelum menyerahkan permintaan, oleh kerana pengeluaran tersebut mungkin mempunyai kesan ke atas kedudukan terbuka sedia ada atau strategi perdagangan yang digunakan.
- Pelanggan mengakui dan menerima bahawa apabila mata wang bank dan/atau kad dan/atau akaun elektronik mereka berbeza daripada mata wang deposit yang ditetapkan pada mata wang akaun perdagangan mereka, penukaran mata wang akan dilakukan oleh bank dan/atau pemproses kad dan/atau pembekal perkhidmatan dompet elektronik Pelanggan, pada kadar pertukaran semasa dan yuran mungkin dikenakan.
- Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas butiran pembayaran yang diberikan kepada Syarikat dan Syarikat tidak bertanggungjawab ke atas dana Pelanggan jika butiran yang diberikan oleh Pelanggan adalah salah.

- Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa pembiayaan akaun melalui kad kredit dilakukan terus daripada laman web syarikat. Pelanggan memahami dan menerima bahawa nama pada kad kredit mestilah sepadan dengan nama Pelanggan pada akaun dengan syarikat dan bahawa sebarang deposit yang tidak sepadan dengan keterangan di atas akan ditolak.
- Pelanggan menerima nasihat Syarikat agar membenarkan kontak visual bagi 6 digit pertama dan 4 digit terakhir nombor kad mereka sahaja; dan menutup nombor CVV di bahagian belakang kad sebelum menghantar salinan Kad mereka kepada Syarikat, untuk tujuan keselamatan. Pelanggan menerima bahawa maklumat yang selebihnya harus kekal kelihatan seperti Nama pemegang kad, Tarikh Luput dan Nama Bank.
- Pelanggan mengakui dan menerima bahawa semua transaksi kad kredit (deposit) tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditarik balik. Pelanggan menerima bahawa, untuk perlindungan bagi kedua-dua Pelanggan dan Syarikat, Syarikat boleh menahan pesanan yang kelihatan palsu untuk semakan manual dan jika perlu menghubungi Pelanggan untuk mengesahkan pesanan dan jika Pelanggan tidak dapat dihubungi dalam tempoh masa yang munasabah, pesanan tersebut boleh dibatalkan.
- Pelanggan bersetuju bahawa dalam sebarang kes di mana Syarikat mengesahkan terdapat deposit palsu yang dibuat oleh Pelanggan melalui sebarang kaedah deposit, Syarikat mempunyai hak untuk mengembalikan jumlah yang didepositkan dan/atau mengenakan baki dan ekuiti sifar kepada akaun perdagangan Pelanggan tersebut dan/atau menutup sebarang akaun perdagangan Pelanggan tersebut dan/atau menafikan pengeluaran bagi sebarang keuntungan dan/atau perlindungan bagi sebarang kerugian dan/atau mengetepikan sebarang liabiliti yang berkaitan dengan sebarang kerugian oleh Pelanggan dan/atau berhak untuk mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap Pelanggan tersebut melibatkan mana-mana bidang kuasa.
- Pelanggan selanjutnya mengesahkan dan mengakui bahawa hak kepada Caj Balik tidak akan dibenarkan di dalam kes apabila Syarikat telah pun melaksanakan transaksi yang diminta.
- Pelanggan mengesahkan dan mengakui bahawa disebabkan oleh jenis perkhidmatan dan aktiviti yang disediakan oleh Syarikat, Pelanggan tidak dibenarkan untuk

mendakwa bahawa prestasinya tidak sepadan dengan penerangan bertulis demi untuk membatalkan perkhidmatan tersebut. Sekiranya Pelanggan meminta Caj Balik dengan mendakwa bahawa prestasi tidak sepadan seperti arahan Pelanggan, Pelanggan mengesahkan dan mengakui bahawa Syarikat mempunyai hak untuk memberikan kepada sebarang entiti/orang yang berkaitan, dokumentasi yang diperlukan berkenaan dengan akaun Pelanggan tersebut, untuk membuktikan sebarang transaksi/dakwaan.

- Pelanggan mengesahkan dan mengakui bahawa Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatian yang mungkin berlaku berkaitan dengan transaksi Kad Kredit, yang disebabkan oleh pihak ketiga, semasa proses transaksi tersebut, atau disebabkan oleh sebarang undang-undang/halangan lain yang diberikan atau dibuat dalam sebarang bidang kuasa pada masa tertentu bagi sebarang transaksi.
- Sekiranya berlaku pertikaian yang berkaitan dengan Caj Balik, Pelanggan bersetuju bahawa Syarikat mempunyai hak untuk menahan Caj Balik dalam simpanannya sehingga pertikaian tersebut dimuktamadkan. Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa ada kemungkinan untuk berlaku, akibat daripada Caj Balik yang disimpan, bahawa Caj Balik tersebut mungkin dikenakan kepada mana-mana transaksi akaun Pelanggan.
- Pelanggan akan bertanggungjawab ke atas semua dan sebarang kos yang dibayar kepada pemproses kad kredit atau bank, pihak lain, yuran peguam serta perbelanjaan undang-undang lain, dan nilai yang munasabah pada waktu yang dibelanjakan oleh Syarikat untuk perkara tersebut, yang tertanggung semasa proses penyelesaian pertikaian tersebut.
- Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Syarikat boleh menolak daripada Baki untuk sebarang kewajipan dan liabiliti Pelanggan, termasuk sebarang jumlah Caj Balik tanpa had.
- Pelanggan menerima bahawa Syarikat mempunyai hak untuk mengenakan sebarang pengecualian kepada terma Polisi ini mengikut budi bicara mutlaknya dan atas apa jua sebab dan/atau apabila pengecualian tersebut dipertimbangkan berdasarkan pendapat Syarikat yang perlu dan/atau sesuai untuk pelaksanaan terma tersebut

dan/atau apabila terma tersebut adalah mustahil untuk dilaksanakan atas sebarang sebab dan/atau orang.

- Sila ambil perhatian bahawa Polisi ini tidaklah menyeluruh, dan syarat atau keperluan tambahan mungkin dikenakan pada bila-bila masa disebabkan oleh suatu peraturan dan dasar, termasuklah yang ditetapkan untuk mencegah pengubahan wang haram. Sila ambil perhatian bahawa mana-mana dan semua penggunaan laman web dan perkhidmatan adalah tertakluk kepada Perjanjian Pelanggan, yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa oleh GMI, mengikut budi bicara mutlaknya.